

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 June 2015

# Tidak perlu bahasa Inggeris sebagai pengantar di sekolah

Ulm - 11/6/2015

**KUALA LUMPUR 10 Jun** - Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, sebarang usaha untuk mengembalikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di sekolah adalah bercanggah dengan Akta Pendidikan Kebangsaan 1996.

Timbalan Perdana Menteri berkata, polemik itu tidak seharusnya ditimbulkan selepas 57 tahun negara mencapai kemerdekaan.

“Kenapa kita mesti beralih arah sedangkan kita telah melahirkan pakar dengan sistem sedia ada.

“Kalau di Jepun, China, Finland,

Korea Selatan dan Indonesia dengan bahasa masing-masing sedangkan di Malaysia guna bahasa Inggeris, di manakah maruah kita?” katanya.



**MUHYIDDIN YASSIN**

Dalam perkembangan berkaitan, Muhyiddin memberitahu, langkah intervensi awal perlu

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian bagi menjawab celahan **Nga Kor Ming (DAP-Taiping)** ketika menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi kementeriaannya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

diambil bagi mempertingkatkan penguasaan dan kecekapan guru serta pelajar dalam bahasa Inggeris sebelum syarat wajib lulus mata pelajaran berkenaan dikuatkuasakan tahun depan.

Beliau menjelaskan, tindakan itu berupaya mengelakkan berlakunya kesan negatif termasuk kegagalan sebahagian pelajar memperolehi kelulusan penuh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Apa yang penting, langkah-langkah awal untuk menaikkan martabat guru, kemahiran mereka dan pelajar dengan meningkatkan pendedahan bahasa Inggeris di dalam mahupun di luar kurikulum,” katanya bagi menjawab celahan **M. Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat)** tentang pelaksanaan syarat berkenaan.